Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 9, e002517
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2517

RESEARCH ARTICLE

Pembangunan Indeks Budaya Sukan Holistik

(Developing Holistic Malaysian Sports Culture Index)

Shamshuritawati Sharif[1*], Gunathevan Elumalai[2], Nur Riza Mohd Suradi[3] Shariffah Mamat[4], Mohd Salleh Bin Aman[5], Vellapandian Ponnusamy[6] Hashbullah Ismail[7], Mohd Mursyid Arshad[8], Nur Najmin Naja Zamri[9] Farrah Hani Imran[10]

[1]Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: shamshurita@uum.edu.my
[2]Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Email: gunathevan@fsskj.upsi.edu.my
[3]Fakulti Sains dan Teknology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: nrms@ukm.edu.my
[4]Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 62570, Putrajaya, Malaysia.
Email: shariffah@iyres.gov.my
[5]Fakulti Sukan dan Sains Rekreasi, University Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: amanms@um.edu.my
[6]Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 62570, Putrajaya, Malaysia.
Email: drvella@iyres.gov.my
[7]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: hashbullah@uitm.edu.my
[8]Fakulti Kajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.
Email: m_mursyid@upm.edu.my
[9]Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 62570, Putrajaya, Malaysia.
Email: najmin@iyres.gov.my
[10]Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 56600, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: farrahhani@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Shamshuritawati Sharif
(shamshurita@uum.edu.my)

KATA KUNCI:
Budaya sukan
Indeks
Pekali korelasi

KEYWORDS:
Sport culture
Index
Correlation coefficient

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk membangunkan indeks budaya sukan bagi mengenal pasti tahap budaya sukan rakyat Malaysia serta mengukur isu-isu lain yang berkaitan. Data dikumpul melalui soal selidik yang ditemu bual secara bersemuka. Data kajian adalah daripada persampelan berperingkat berstrata mengikut negeri dalam Malaysia. Terdapat 7857 responden yang berumur sekurang-kurangnya 13 tahun sehingga 60 tahun. Kaedah indeks korelasi digunakan dalam pembangunan indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) yang holistik. Indeks menggunakan nilai peratusan antara 0 hingga 100; semakin besar peratusannya, semakin tinggi tahap budaya sukan. Hasilnya menunjukkan bahawa tahap penglibatan sukan ialah 73.3%. Dengan mengambil kira semangat kesukanan ke dalam model tersebut, nilai Indeks Budaya Sukan Malaysia

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

CITATION:
Shamshuritawati Sharif et al. (2023). Pembangunan Indeks Budaya Sukan Holistik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(9), e002517. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2517

ialah 52%. Membahagikan responden kepada beberapa kumpulan mengikut indeks budaya sukan menunjukkan bahawa jantina, status perkahwinan, kumpulan umur, tahap pendidikan dan jenis pekerjaan adalah berbeza secara signifikan. Hasil analisis daripada indeks budaya sukan boleh digunakan untuk memperkayakan dasar negara bagi mewujudkan keadaan yang membolehkan orang ramai membudayakan sukan dalam kehidupan harian. Di samping itu, pendekatan itu boleh digunakan dan disesuaikan untuk negara lain dalam meneroka perkembangan budaya sukan ke arah negara bersukan.

ABSTRACT

This research aims to develop a sport culture index to identify the level of sport culture of Malaysian people as well as to quantify other related issues. The data were collected by face to face interviewed questionnaires. The research data were from stratified multi-stage sampling according to states in Malaysia. There were 7857 usable respondents who were at least 13 years old until 60 years old. The correlation index method was applied in the development of the holistic Malaysian Sport Culture index (SCI). The index employs percentage values ranging from 0 to 100; the larger the percentage, the higher the level of sport culture. The result reveals that level of sports participation is 73.3%. By considering the sporting spirit into the model, the Malaysian Sports Culture Index value is 52%. Dividing respondents into several groups according to sport culture index reveals that gender, marital status, age group, level of education, and type of occupation are significantly different. The analyzed results from sport culture index can be utilized to enrich the national policies to create conditions that allow people to cultivate sports in their daily lives. In addition, the approach can be used and adapted for other countries in exploring the development of sports culture towards a sporting nation.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menghasilkan formula baru bagi indeks budaya sukan Malaysia yang telah mengambilkira faktor semangat kesukanan dan penglibatan dalam sukan bagi mewakili budaya sukan rakyat Malaysia secara holistik.

1. Pengenalan

Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) diterajui oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) bermula pada tahun 2018. Matlamat utama yang ingin dicapai melalui pembangunan IBSM adalah bagi mengukur tahap dan trend budaya sukan di Malaysia dan dibandingkan dengan indeks yang dicapai pada tahun semasa. Usaha ini dilaksanakan sebagai perancangan strategik bagi menjadikan Malaysia sebagai negara sukan. Dasar Sukan Negara (Pindaan) 2009 mempromosikan pembangunan sukan mengikut piawaiannya. Dasar ini memberi justifikasi bahawa sukan dapat meningkatkan kecergasan, kesihatan, muhibah, toleransi, persefahaman dan menyediakan platform penyatuan pelbagai kumpulan etnik ke arah negara yang bersatu.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

IYRES (2020) menunjukkan bahawa tahap budaya sukan rakyat Malaysia berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor 56.8, berbanding IBSM'19 iaitu pada skor 58.8 dengan IBSM'18 iaitu pada skor 53.1. Walaupun masih berada pada tahap sederhana namun, IBSM2020 merosot sebanyak 2 skor. Umumnya, IBSM'18 sehingga IBSM2020 telah menggunakan lima domain dan lapan indikator bagi mengikut tahap budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berumur 13 tahun hingga 60 tahun. Selaras dengan perubahan semasa, dalam kohort Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) domain dan indikator IBSM'21 diselaraskan dengan pembentukan definisi budaya sukan yang lebih relevan dan holistik. Oleh yang demikian, penstrukturan semula dan pelaksanaan kajian IBSM'21 dijadikan sebagai asas penyelidikan bagi kohort 2021-2025.

Secara keseluruhannya, dapatan IBSM'21 menunjukkan budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia perlu dipertingkatkan. Inisiatif dan strategi daripada pelbagai pemegang taruh pembangunan belia harus dipergiatkan. Usaha dan kolaborasi bagi memupuk budaya sukan perlu menepati hala tuju RMK12 yang bermatlamatkan kesejahteraan menyeluruh dalam kalangan rakyat Malaysia.

Oleh itu, struktur pengiraan indeks budaya sukan yang dibangunkan dalam kalangan rakyat Malaysia menjadi intipati utama kajian ini. Indeks budaya sukan adalah suatu sukatan yang digunakan untuk menunjukkan tahap dan trend penglibatan dalam sukan. Langkah permulaan yang penting adalah dengan menjelaskan struktur indeks dengan lebih terperinci. Secara umumnya, struktur indeks ini terbentuk daripada domain penglibatan dan semangat kesukanan serta indikator-indikator dibawahnya. Pendekatan pembangunan indeks budaya sukan adalah berasaskan kepada pemodelan matematik yang melibatkan dua domain yang akan dijelaskan dalam bahagian seterusnya. Kajian ini diharap menjadi rujukan utama bagi merealisasikan hasrat ke arah menjadikan Malaysia Negara Bersukan *(Sporting Nation).*

2. Indeks Budaya Sukan

Kaedah kuantitatif digunakan dalam pengiraan indeks budaya sukan. Terdapat dua komponen utama yang akan diterangkan iaitu struktur indeks dan kaedah pengiraan indeks.

2.1. Struktur Indeks

Kajian ini bertujuan membina indeks budaya sukan yang holistik untuk memperkayakan dasar negara bagi mewujudkan keadaan yang membolehkan orang ramai membudayakan sukan dalam kehidupan harian. Pendekatan ini dijangkakan boleh digunakan dan disesuaikan untuk negara lain dalam meneroka perkembangan budaya sukan ke arah negara bersukan.

Terdapat dua domain bagi pengukuran indeks iaitu penglibatan responden dalam bersukan dan semangat kesukanan. Jadual 1 menunjukkan dua domain tersebut dan indikator yang terlibat. Penglibatan ialah kekerapan penyertaan dalam aktiviti sukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu (1) bulan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Domain dan Indikator Indeks Budaya Sukan

Bil	Domain	Indikator
1	Penglibatan	Keaktifan
2	Semangat Kesukanan	Kesukarelaan
		Dedikasi
		Perbelanjaan
		Sumbangan

Dalam Jadual 2, setiap penglibatan pula diklasifikasikan kepada tiga kelas keaktifan yang diguna pakai sebagai piawaian antarabangsa oleh World Health Organisation (WHO, 2020).

Jadual 2: Pengkelasan keaktifan bersukan mengikut tempoh masa

Bil	Domain	Tempoh masa
1	Aktif	Melebihi 150 minit seminggu
2	Sederhana aktif	30 minit hingga 149 minit seminggu
3	Kurang aktif	Kurang daripada 30 minit seminggu

Dalam kajian ini, aktiviti sukan merujuk kepada tiga (3) komponen utama iaitu sukan, senaman dan rekreasi. Komponen sukan adalah aktiviti berasaskan mental dan fizikal seperti badminton, bola sepak, bola jaring dan lain-lain sama ada bermain secara individu atau berpasukan (Parry, 2019). Aktiviti sukan biasanya dipertandingkan kerana ia memiliki peraturan khusus. Penganjuran acara sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti pertandingan liga bola sepak boleh menarik penonton dan media elektronik yang berupaya merangsang interaksi sosial dan mengembangkan industri sukan.

Manakala, komponen senaman bermaksud aktiviti gerak badan yang sistematik (Ruegsegger & Booth, 2018). Gerak badan dilakukan dari tahap mudah ke tahap kompleks secara ansur maju. Aktiviti senaman termasuk berjalan, joging, latihan bebanan, yoga, Tai Chi dan sesi regangan sebelum dan sesi pemulihan selepas aktiviti-aktiviti tersebut. Kekurangan aktiviti senaman boleh mengurangkan tahap kecergasan dan sekiranya melebihi tahap kemampuan ia boleh menyebabkan kecederaan. Melakukan senaman secara berkala dapat meningkatkan tahap kecergasan dan kesihatan individu (Hansford et al., 2022).

Komponen terakhir ialah rekreasi. Rekreasi adalah aktiviti kesenggangan yang membina serta menyeronokkan. Aktiviti rekreasi yang berasaskan fizikal seperti mendaki, berbasikal, berkayak dan lain-lain memberi impak positif terhadap kesihatan mental, kecergasan dan daya tahan tubuh badan (Hedenborg, 2022). Dalam aktiviti rekreasi terdapat elemen rehat, relaks dan rehabilitasi mental dan fizikal. Melakukan aktiviti rekreasi adalah pilihan sendiri tanpa unsur paksaan. Aktiviti ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan.

Domain kedua dalam struktur indeks ialah semangat kesukanan. Domain ini adalah merujuk kepada aktiviti bukan fizikal iaitu indikator kesukarelaan (Bang et al., 2018; Jiang et al., 2022; Pereira et al., 2019), dedikasi (Yukhymenko-Lescroart, 2022), perbelanjaan (Shin & Lyu, 2018; Funahashi et al., 2019; Vamplew, 2019) dan sumbangan (Melovic et al., 2019; Krol, 2020; Silva & Las Casas, 2020) yang dapat mencerminkan kesungguhan dan kesanggupan seseorang terhadap aktiviti sukan dan perkembangan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

budaya sukan. Gabungan domain penglibatan merupakan elemen fizikal dan domain semangat kesukanan merupakan elemen bukan fizikal diambil kira setelah beberapa sesi sumbang saran melalui diskusi dan sindikasi bersama pakar sukan seluruh negara bagi memperoleh ukuran budaya sukan yang holistik.

2.2. Pengiraan Indeks

Pengiraan indeks budaya sukan bermula dengan penentuan pecahan pemberat bagi dua domain yang dinyatakan di atas. Dalam peringkat pertama, analisis regresi logistik digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara satu pemboleh ubah bersandar dan satu atau dua pemboleh ubah tak bersandar (Srimaneekarn et al., 2022). Dalam kajian ini, Analisis tersebut menghubungkan status keterlibatan (y) dan empat indikator kepada domain semangat kesukanan iaitu kesukarelaan (x_1), dedikasi (x_2), perbelanjaan (x_3), dan sumbangan (x_4) dibentuk. Berikut adalah model tersebut,

$$P(y) = \frac{e^{(b1x1+b2x2+b3x3+b4x4)}}{1+e^{(b1x1+b2x2+b3x3+b4x4)}} \qquad (1)$$

Nilai pekali penentu Nigelkerke, R^2 menunjukkan bahawa 40% variasi di dalam data bagi empat domain semangat kesukanan dipengaruhi oleh keterlibatan responden. Nilai tersebut diguna pakai sebagai pemberat kepada domain semangat kesukanan, dan secara automatik 60% ditetapkan sebagai pemberat kepada domain penglibatan responden dalam sukan. Seterusnya peringkat kedua adalah untuk menentukan pemberat bagi empat indikator di bawah domain semangat kesukanan.

Kaedah mendapatkan pemberat adalah berdasarkan formula korelasi Pangkat Spearman (Myers & Sirois, 2014; Rahman et al, 2023). Kaedah ini menunjukkan bahawa lebih besar pekali korelasi, maka lebih besar pemberat untuk setiap indikator. Oleh itu, ujian korelasi dilakukan terlebih dahulu bagi menguji sama ada pekali korelasi adalah signifikan. Jika korelasi antara indikator adalah signifikan, saiz korelasi antara indikator diambil kira dalam pengiraan pemberat. Nilai pemberat bagi semangat kesukanan dianggarkan melalui kaedah korelasi (Amran & Zulkifli, 2020) adalah bersamaan dengan nilai mutlak korelasi ternormal untuk semua indikator, iaitu

$$w_j = \frac{r_j}{\sum|r_{ij}|} \times 100 \qquad -1 < r_j < 1 \quad (2)$$

Dimana,
r_{ij}ialah pekali korelasi antara dua indikator i^{th} dan j^{th}

Langkah seterusnya juga dikenali sebagai kaedah agregasi, yang melibatkan proses menggabungkan set nilai menjadi satu nilai. Dalam kajian ini, kaedah gabungan linear atau purata aritmetik berwajaran digunakan. Secara matematik, indeks budaya sukan boleh ditulis seperti berikut.

$$IBSM = 60\hat{y} + 40\left(\frac{w_1\bar{x}_1+w_2\bar{x}_2+w_3\bar{x}_3+w_4\bar{x}_4}{w_1t_1+w_2t_2+w_3t_3+w_4t_4} \times 100\right) \quad \sum w_j = 1,\ w_j \geq 0 \qquad (3)$$

Dimana,
$IBSM$ = Indeks Budaya Sukan Malaysia
$\hat{y}$ = kadar penglibatan
w_j = pemberat setiap indikator $j, j = 1, 2, 3, \dots, k$.
x_i = min setiap indikator $i, i = 1, 2, 3, \dots, n$, mengikut setiap j.
t_i = nilai skor maksimum setiap indikator i.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Secara keseluruhannya, Indeks budaya sukan boleh dibina dengan menggunakan langkah seperti berikut,

i. Dapatkan kadar penglibatan dalam sukan
ii. Kira min skor bagi setiap indikator
iii. Tentukan pemberat bagi domain semangat kesukanan dan domain penglibatan menggunakan analisis regresi logistik untuk menentukan pemberat domain.
iv. Tentukan pemberat bagi empat indikator semangat kesukanan menggunakan kaedah korelasi Pangkat Spearman.
v. Kira indeks budaya sukan berdasarkan dua domain.

3. Metod Kajian

Sebelum data dikutip, hal yang penting adalah untuk mengenal pasti populasi kajian. Sasaran populasi kajian adalah warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun ke atas bagi mewakili majoriti penduduk Malaysia. Oleh kerana melibatkan kawasan yang luas, tenaga, masa dan kos kewangan harus dijimatkan, maka kajian dijalankan menggunakan data sampel sahaja.

Pemilihan responden dilakukan secara rawak berkadaran *(proportionate random sampling)* mengikut jantina, kategori umur, negeri dan lokasi berdasarkan jumlah populasi warganegara Malaysia. Penentuan bilangan sampel kajian menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970) yang mana bagi setiap 1 juta bilangan penduduk, sejumlah 384 orang responden akan dipilih secara rawak. Bilangan ini mengambil kira 95% tahap keyakinan dengan 5% margin ralat.

Dalam pemilihan sampel secara berkebarangkalian dilaksanakan dalam kajian ini (Lakens, 2022). Bartlett, Kotrlik dan Higgins (2001), menyarankan penambahan sampel 10% hingga 30% bagi mengimbangi kekangan responden yang tidak menjawab borang soal selidik dengan lengkap dan kekangan lain termasuk belanjawan dan tempoh masa kajian dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini menyasarkan seramai 9,500 orang responden. Walau bagaimanapun, hanya 7,857 responden yang memberi kerjasama berikutan kekangan pengumpulan data semasa PKP dan penerimaan responden untuk menjadi sampel kajian.

Borang soal selidik diedarkan oleh IYRES Community Enumerator (ICE) menggunakan Sistem Kaji Selidik IYRES bermula pada 7 September 2021 dan berakhir pada 22 Oktober 2021. Seramai 282 orang ICE telah dilantik sebagai enumerator dan penyelia bagi tujuan pengumpulan data secara bersemuka dari rumah ke rumah.

4. Hasil kajian

Dalam bahagian ini, dibentangkan hasil analisis menggunakan kaedah kuantitatif dalam tiga subtopik utama iaitu profil responden kajian, diikuti oleh analisis ringkas berkaitan faktor pendorong, dan ditutup oleh topik dapatan berkaitan indeks yang dibangunkan. Analisis berkaitan faktor pendorong dijalankan bagi melihat pengetahuan responden berkaitan keperluan untuk hidup bersukan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.1. Profil Responden

Terdapat 7857 sampel yang ditemu bual di seluruh negara. Berdasarkan Jadual 3, sejumlah 50.4% adalah responden lelaki dan 49.6% adalah perempuan. Analisis status perkahwinan menunjukkan kategori bujang adalah kurang berbanding kategori berkahwin. Responden bujang berjumlah 48% dan berkahwin berjumlah 52%. Seterusnya berdasarkan umur, seramai 235 orang (3%) berumur Pra Belia (13 hingga 14 tahun), seramai 3326 orang (42.3%) berumur Belia (15 hingga 30 tahun), dan selebihnya dalam berada kumpulan terbesar iaitu kategori Pasca Belia (54.7%).

Jadual 3: Profil responden kajian

Profil	**Kekerapan (*n*=7857)**	**Peratusan (%)**
Jantina		
Lelaki	3961	50.4
Perempuan	3896	49.6
Status Perkahwinan		
Bujang	3775	48.0
Berkahwin	4082	52.0
Kategori Umur		
Pra Belia	235	3.0
Belia	3326	42.3
Pasca Belia	4296	54.7
Tahap Pendidikan		
Tidak bersekolah	225	2.9
UPSR	464	5.9
SRP/PMR/PT3	841	10.7
SPM/SPMV/MCE	2606	33.2
STPM/STAM/Matrikulasi	498	6.3
Sijil Kemahiran/Ikhtisas	347	4.4
Diploma	1248	15.9
Ijazah Sarjana Muda	1352	17.2
Sarjana	193	2.5
PhD	40	0.5
Lain-lain	43	0.5
Kategori Pekerjaan		
Penjawat Awam	1079	13.7
Pekerja keluarga tanpa gaji	22	0.3
Kontrak/Sementara	323	4.1
Tidak bekerja	773	9.8
Swasta	1699	21.6
Pelajar	1848	23.5
Bekerja sendiri	1008	12.8
Suri rumah	695	8.8
Pesara	318	4.0
Lain-lain	92	1.2

Analisis profil responden selanjutnya adalah berdasarkan kelulusan akademik. Hasil analisis deskriptif mendapati bahawa majoriti responden kajian memiliki SPM/SPMV/MCE iaitu seramai 2606 (33.2%), diikuti oleh Ijazah Sarjana Muda, iaitu seramai 1352 orang (17.2%) dan Diploma berjumlah 15.9%. Selainnya, kategori pekerjaan didominasi Pelajar (23.5%), dan pekerja swasta (21.6%) iaitu berjumlah 45.1%.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.2. Faktor pendorong bersukan

Tiga faktor pendorong bersukan paling utama ialah mengekalkan kecergasan (93.7%), mengekalkan kesihatan (93.4%) dan mengurangkan stres (90.9%). Empat faktor pendorong berikutnya adalah faktor berkaitan penggunaan masa dan isu sosial iaitu mengisi masa lapang (89.9%), meluangkan masa bersama ahli keluarga (87.2%), meluangkan masa bersama rakan (86.4%) dan menghindari gejala sosial (85.9%). Manakala, tiga faktor pendorong terakhir ialah pengurusan berat badan (85.1%), minat bersukan (80.6%) dan gaya hidup (80.2%).

Walaupun dapatan Jadual 4 menunjukkan 10 faktor pendorong telah mendapat skor melebihi 80%, namun jumlah responden yang terlibat dalam aktiviti berkaitan sukan masih di tahap membimbangkan. Mekanisme untuk menggalakkan penyertaan responden dalam sukan amat diperlukan supaya rakyat Malaysia mempunyai budaya sukan yang tinggi. Pada peringkat permulaan, penganjuran sukan adalah hal yang boleh memaksa rakyat untuk bersukan sebelum amalan bersukan menjadi gaya hidup dan rutin seharian.

Jadual 4: Faktor Pendorong Budaya Sukan

Bil	Faktor	Peratus
1	Mengekalkan kecergasan	93.7
2	Mengekalkan kesihatan	93.4
3	Mengurangkan stres	90.9
4	Mengisi masa lapang	89.9
5	Meluangkan masa bersama ahli keluarga	87.2
6	Meluangkan masa bersama rakan	86.4
7	Menghindari gejala sosial	85.9
8	Pengurusan berat badan	85.1
9	Sebahagian daripada gaya hidup	80.6
10	Minat	80.2

4.3. Tahap Keaktifan Bersukan

Tahap keaktifan rakyat Malaysia adalah merujuk kepada responden yang terlibat dalam aktiviti berkaitan sukan. Berdasarkan jumlah responden yang terlibat (n= 3,915), 13.4% berada pada tahap aktif, 59.9% sederhana aktif dan 26.7% adalah kurang aktif. Gabungan kategori aktif dan sederhana aktif iaitu sebanyak 73.3%. Ini menunjukkan tahap keaktifan rakyat Malaysia dalam aktiviti sukan adalah tinggi. Walaupun secara majoriti rakyat Malaysia berada dalam kumpulan sederhana aktif, ini masih menggambarkan sikap positif mereka yang terus berusaha merancang strategi dan meluangkan masa untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan walaupun masing-masing berada dalam situasi pematuhan SOP akibat pandemik Covid-19 sepanjang tahun 2021.

Perbandingan kadar penglibatan dalam sukan, senaman dan rekreasi menunjukkan perbezaan yang ketara. Majoriti responden gemar melakukan aktiviti senaman (44.5%), diikuti dengan aktiviti rekreasi (32.1%) dan aktiviti sukan (23.4%). Aktiviti senaman yang mendominasi responden adalah berjalan (28.5%) diikuti dengan joging, latihan bebanan, senamrobik dan yoga. Ternyata aktiviti senaman ini tidak memerlukan fasiliti yang khusus dan boleh dilaksanakan di rumah dan kawasan perumahan. Bagi rekreasi pula, *jungle tracking*, berbasikal dan mendaki menjadi aktiviti pilihan. Persekitaran alam semula jadi boleh dijadikan fasiliti untuk melakukan aktiviti tersebut. Antara pilihan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

aktiviti sukan pada tahun 2021 adalah badminton (7.3%), sepak takraw (4.8%), ping pong (3.9%). Sukan bola jaring (0.5%), bola sepak (0.6%) dan bola tampar (0.7%) yang memerlukan gelanggang dan padang berada pada tahap penyertaan paling minimum disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan (PKP) pandemik Covid-19.

4.4. Semangat Kesukanan

Secara keseluruhannya, Jadual 5 menunjukkan bahawa indikator yang mendapat skor tertinggi ialah kesukarelaan (3.4), diikuti oleh dedikasi (3.1), perbelanjaan (2.9), dan sumbangan (2.7). Responden yang terlibat dengan sukan memberikan skor lebih tinggi berbanding responden yang tidak terlibat. Urutan skor tertinggi hingga terendah bagi kedua-dua kumpulan (terlibat dan tidak terlibat sukan) adalah sama dengan skor keseluruhan.

Jadual 5: Perbandingan indikator semangat kesukanan berdasarkan penglibatan dalam sukan

Bil	Indikator	Keseluruhan (n=7,857)		Terlibat (n =3,915)		Tidak Terlibat (n =3,942)	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
1	Kesukarelaan	3.2	0.8	3.6	0.7	3.0	0.8
2	Dedikasi	3.1	0.8	3.4	0.7	2.7	0.8
3	Perbelanjaan	2.4	0.9	3.2	0.8	2.5	0.9
4	Sumbangan	2.7	0.9	2.9	0.9	2.5	0.9

Hal ini menunjukkan responden masih mempunyai sikap kesukarelaan dalam aktiviti sukan yang tinggi. Pendapat mereka ke atas setiap indikator juga adalahlah konsisten seperti ditunjukkan oleh nilai sisihan piawai (0.8 hingga 0.9). Ini memberi implikasi bahawa setiap responden memberikan penilaian yang hampir sama ke atas semangat sukan. Sebagai langkah memperkasakan budaya sukan, dua indikator yang perlu dipantau dengan lebih strategik ialah perbelanjaan dan sumbangan kepada aktiviti sukan.

4.5. Indeks Budaya Sukan Malaysia

Berdasarkan Jadual 6, indeks budaya sukan dikalangan lelaki (57.94%) adalah lebih tinggi berbanding perempuan (45.90%). Seterusnya berdasarkan status perkahwinan menunjukkan indeks kategori bujang melebihi indeks kategori berkahwin dengan masing-masing ialah 59.94% dan 44.60%. Analisis indeks mengikut kategori umur pula menunjukkan indeks Pra Belia ialah 59%, Belia ialah 60.73%, dan kategori Pasca Belia ialah 44.80%. Selain itu, indeks budaya sukan juga dianalisis berdasar kelulusan akademik. Hasil analisis mendapati bahawa responden kajian yang memiliki SPM/SPMV/MCE dan ke bawah ialah dibawah 50% (selang antara 22.53 dan 47.61) manakala responden yang memiliki STPM/STAM/Matrikulasi dan ke atas mempunyai indeks melebihi 50% (selang antara 57.63 dan 64.13).

Selainnya, kategori pekerjaan menunjukkan indeks budaya sukan dikalangan Pelajar dan penjawat awam adalah melebihi 60%. Manakala kumpulan yang Tidak bekerja, Pesara dan suri rumah adalah tiga kategori pekerjaan yang mempunyai indeks di bawah 40%.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Seterusnya, analisis perbezaan antara kumpulan bagi setiap profil yang dianalisis juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (nilai-p < 0.05) dalam indeks budaya sukan antara lelaki dan perempuan, bujang dan berkahwin, Pra Belia, Belia dan Pasca Belia, Tahap Pendidikan dan Kategori Pekerjaan. Untuk meningkatkan budaya sukan, kumpulan responden perempuan, berkahwin, Pasca Belia, memiliki SPM dan ke bawah, dan suri rumah perlu diberi tumpuan yang khusus bagi melonjakkan indeks budaya sukan negara.

Jadual 6: Skor IBSM Mengikut Profil Responden Ujian Perbezaan Antara Kumpulan

Profil	IBSM	Ujian statistik	Nilai p
Jantina			
Lelaki	57.94	16.010	,000
Perempuan	45.90		
Status Perkahwinan			
Bujang	59.94	17.573	,000
Berkahwin	44.60		
Kategori Umur			
Pra Belia	59.00	332.125	,000
Belia	60.73		
Pasca Belia	44.80		
Tahap Pendidikan			
Tidak bersekolah	22.53	426.890	,000
UPSR	48.11		
SRP/PMR/PT3	44.84		
SPM/SPMV/MCE	47.61		
STPM/STAM/Matrikulasi	57.63		
Sijil Kemahiran/Ikhtisas	52.81		
Diploma	55.01		
Ijazah Sarjana Muda	64.13		
Sarjana	60.74		
PhD	62.74		
Lain-lain	59.23		
Kategori Pekerjaan			
Penjawat Awam	60.40	651.117	,000
Pekerja keluarga tanpa gaji	40.89		
Kontrak/Sementara	52.52		
Tidak bekerja	38.46		
Swasta	54.93		
Pelajar	63.74		
Bekerja sendiri	46.81		
Suri rumah	29.92		
Pesara	38.34		
Lain-lain	46.39		

5. Perbincangan Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, tahap penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti sukan masih kurang dan perlu dipertingkatkan supaya amalan bersukan menjadi budaya dalam kehidupan seharian. Keterlibatan dalam aktiviti fizikal memerlukan pendekatan yang holistik dan berfokus pada pelbagai aspek yang memberikan motivasi untuk kekal aktif dan cergas demi kesihatan dan kesejahteraan sepanjang hayat (Warner, & Dixon, 2015). Budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia dapat

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dipertingkatkan menerusi penglibatan dan semangat kesukanan yang merangkumi kesukarelaan, dedikasi, perbelanjaan, dan sumbangan. Trend memainkan peranan yang penting dalam penglibatan sukan kerana manusia sering tertarik dengan perkembangan terkini dan aktiviti sukan yang dimainkan oleh ramai orang. Contohnya aktiviti berbasikal sedang menjadi trend dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai aktiviti rekreasi yang ada unsur pertandingan atau tidak. Penglibatan secara berkumpulan memberikan semangat untuk terus bergiat dengan aktif berbanding dengan aktiviti secara individu. Semangat kesukanan akan meningkat apabila terlibat bersama rakan sebaya, ahli keluarga dan komuniti. Penggunaan masa secara berkualiti bersama ahli keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Penglibatan bersama rakan sebaya dan komuniti meningkatkan hubungan silaturahim dan secara langsung melindungi golongan belia daripada terjebak dengan gejala negatif (Australian Sport, 2023).

Semangat kesukanan dalam kalangan rakyat Malaysia masih lagi sederhana disebabkan oleh beberapa faktor seperti kurang motivasi kendiri untuk mengekalkan penglibatan dalam aktiviti kesukarelaan, tidak mendapat kepuasan dan keseronokan apabila berjaya menyumbang tenaga dan menaja sesuatu aktiviti berkaitan sukan. Agensi pelaksana yang berkaitan harus merancang program-program yang relevan dan berkesan supaya budaya sukan dapat ditingkatkan serta dikekalkan (Ching et al., 2018). Selain meningkatkan kesedaran rakyat kepada impak positif aktiviti kesukarelaan, manfaat potongan cukai ke atas pembayar cukai yang sanggup berbelanja dan membantu aktiviti sukan secara wang atau hadiah perlu sampai dengan mekanisme yang lebih berkesan.

Faktor demografi seperti jantina, status perkahwinan, kumpulan umur, tahap pendidikan dan jenis pekerjaan menunjukkan perbezaan yang nyata terhadap budaya sukan rakyat Malaysia. Corak kehidupan dan budaya yang diwarisi oleh rakyat Malaysia masih lagi membatasi penglibatan wanita dalam aktiviti sukan. Zaman semakin berubah dan kesamarataan antara jantina telah pun wujud, tetapi tahap penglibatan wanita dalam aktiviti sukan, senaman dan rekreasi masih lagi kurang (Warner, & Dixon, 2015). Kaum lelaki lebih bebas dan berkemampuan untuk keluar rumah dan bergiat dalam aktiviti fizikal berbanding dengan wanita yang perlu memikul tanggungjawab sebagai seorang anak, ibu dan isteri.

Tahap Pendidikan juga memainkan peranan penting dalam usaha membentuk budaya sukan kerana mendidik dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan rakyat memerlukan penguasaan ilmu pengetahuan yang sempurna (Australian Sport, 2023). Pelbagai program kesedaran tentang kepentingan aktiviti fizikal dan gaya hidup sedentari kurang berkesan dalam kalangan masyarakat yang tidak berpendidikan atau tidak menguasai Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Tahap penglibatan dalam aktiviti sukan remaja dan dewasa adalah lebih baik berbanding dengan golongan umur yang lain. Ini disebabkan oleh sistem Pendidikan negara kita yang mewajibkan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti fizikal menerusi mata pelajaran Pendidikan jasmani dan aktiviti ko-kurikulum. Individu yang aktif di peringkat sekolah dan institut pengajian tinggi akan membawa sikap positif ini sepanjang hayat. Kebanyakan rakyat yang berada di peringkat umur 60 tahun ke atas kurang melibatkan diri dalam aktiviti fizikal dengan pelbagai alasan seperti kurang sihat dan tiada rakan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kesibukan bekerja dan membuat lebih dari satu kerja untuk menyara hidup juga menjadi penghalang bagi segolongan rakyat Malaysia melibatkan diri dalam aktiviti fizikal. Zaman era berteknologi moden dan perkembangan dunia semasa telah meningkatkan kos sara hidup bagi sebahagian besar masyarakat. Bekerja melebihi lapan jam sehari mengurangkan masa kesenggangan seseorang. Ketiadaan masa yang sesuai dan keletihan selepas bekerja sepanjang hari juga mengurangkan tahap keaktifan seseorang walaupun mempunyai minat dan keinginan untuk melakukan aktiviti fizikal. Peningkatan budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia memerlukan satu usaha yang terancang bagi jangkamasa panjang dengan mengambilkira faktor-faktor penghalang yang boleh diatasi tanpa mengganggu rutin kehidupan seharian (IYRES, 2021).

6. Kesimpulan

Perancangan dan strategi pelaksanaan pelbagai program pembangunan sukan massa dan elite oleh kerajaan, pihak berkepentingan, dan badan sukan untuk meningkatkan aktiviti fizikal dalam kalangan rakyat Malaysia memerlukan pendekatan yang komprehensif. Ia melibatkan penyediaan persekitaran yang kondusif untuk pelbagai golongan rakyat yang mempunyai minat dan kebolehan yang berbeza. Mendidik dan memberikan kesedaran tentang faedah aktiviti fizikal dan risiko gaya hidup sedentari adalah penting sejak kecil lagi. Kawasan perumahan harus dibina dengan kemudahan taman permainan dan rekreasi. Pertubuhan komuniti dan kelab sukan harus memainkan peranan penting dalam menganjurkan aktiviti kecergasan, sukan liga, sukan rakyat dan acara berjalan kaki atau larian amal untuk menggalakkan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti sukan dan permainan. Teknologi juga dapat memainkan peranan penting dalam pembentukan budaya sukan dalam kalangan Rakyat Malaysia. Promosi dan pendigitalan aktiviti senaman dalam bentuk video akan memudahkan penglibatan dan meningkatkan motivasi untuk terus kekal cergas tanpa perbelanjaan yang tinggi. Pembentukan budaya sukan merupakan satu usaha yang berterusan dan perlu pendekatan yang terancang dan sistematik untuk membawa perubahan sikap dalam diri setiap individu supaya sukan menjadi budaya dalam kehidupannya.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Institut Penyelidikan Belia dan Sukan (JEP-IYRES). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua pihak dan responden yang telah memberi sumbangan dalam penulisan makalah ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini ditaja oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Amran, A. S. B., & Zulkifli, M. B. (2020). Index developing and modelling the factors of academic procrastination among university students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *5*(9), 63-75.

Australian Sport (2023) Clearing House for Sport. The information and knowledge sharing platform for Australian sports https;//www.clearinghouseforsport.gov.au/participation-in-sport

Bang, H., Bravo, G. A., Mello Figuerôa, K., & Mezzadri, F. M. (2019). The impact of volunteer experience at sport mega-events on intention to continue volunteering: Multigroup path analysis. *Journal of Community Psychology, 47*(4), 727-742.

Bartlett, I. I. (2001). Bartlett II JE, Kotrlik JW, Higgins CC. *Organizational research: determining appropriate sample size in survey research, Inf. Technol. Learn. Perform*, *19*(1), 43-50.

Bartlett, J. E., Kotrlik, J. W. & Higgins, C. C. (2001). Organizational research: Determining appropriate sample size in survey research. *Information Technology, Learning and performance Journal, 19*(1), 43-50.

Ching, H.Z., Wahid, N., Hafit, H. & Kasim, S (2018) Improving sport participation among students through mobile application. *International Journal of Informatics Visualization, 2*(3). https://doi.10.30630/joiv.2.3-2.141

Dasar Sukan Negara (Pindaan). (2009). Portal Rasmi Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. *KBS*. https//:www.kbs.gov.my

Funahashi, H., Shibli, S., Sotiriadou, P., Mäkinen, J., Dijk, B., & De Bosscher, V. (2020). Valuing elite sport success using the contingent valuation method: A transnational study. *Sport management review*, *23*(3), 548-562.

Hansford, H. J., Wewege, M. A., Cashin, A. G., Hagstrom, A. D., Clifford, B. K., McAuley, J. H., & Jones, M. D. (2022). If exercise is medicine, why don't we know the dose? An overview of systematic reviews assessing reporting quality of exercise interventions in health and disease. *British Journal of Sports Medicine*, *56*(12), 692-700.

Hedenborg, S., Fredman, P., Hansen, A. S., & Wolf-Watz, D. (2022). Outdoorification of sports and recreation: a leisure transformation under the COVID-19 pandemic in Sweden. *Annals of Leisure Research*, 1-19.

IYRES. (2020). *Facts and figures Indeks Budaya Sukan Malaysia 2020.* Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Putrajaya.

IYRES. (2021). *Facts and figures Indeks Budaya Sukan Malaysia 2021.* Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Putrajaya.

Jiang, X., Mastromartino, B., Yang, Q., Zhang, J., & Zhang, J. J. (2022). Influence of Consumer Interaction and Community Relationships on Value Co-Creation Willingness: A Mediation Model of Chinese Sports Brands. *Sustainability, 15*(1), 115.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, *30*(3), 607-610.

Król, U (2020). Voluntary donations to sports non-profit organizations. *Journal of Physical Education and Sport*, *20*(Suppl. 5), 2996-3001.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Lakens, D. (2022). Sample size justification. *Collabra: Psychology*, *8*(1), 33267.

Melovic, B., Rogic, S., Cerovic Smolovic, J., Dudic, B., & Gregus, M. (2019). The impact of sport sponsorship perceptions and attitudes on purchasing decision of fans as consumers—Relevance for promotion of corporate social responsibility and sustainable practices. *Sustainability, 11*(22), 6389.

Myers, L., & Sirois, M. J. (2004). Spearman correlation coefficients, differences between. *Encyclopedia of statistical sciences*, *12*.

Parry, J. (2019). E-sports are not sports. *Sport, ethics and philosophy*, *13*(1), 3-18.

Pereira, H. A., Cavalcante, C. E., Bezerra, J. C. V., & Torres, R. S. (2019). Eventual voluntary motivation in sports: The F1 case. *Revista Pensamento Contemporâneo em Administração, 13*(2), 34-48.

Rahman, F., Ozair, A., Khan, S. R., & Sonkar, A. A. (2023). Correlation. In *Translational Surgery* (pp. 183-189). Academic Press.

Ruegsegger, G. N., & Booth, F. W. (2018). Health benefits of exercise. *Cold Spring Harbor perspectives in medicine*, *8*(7), a029694.

Shin, J. H., & Lyu, S. O. (2019). Using a discrete choice experiment to estimate spectators' willingness to pay for professional baseball park sportscape. *Sport Management Review*, *22*(4), 502-512.

Silva, E. C., & Las Casas, A. L. (2020). Key elements of sports marketing activities for sports events. *International Journal of Business Administration*, *11*(1), 11-21.

Srimaneekarn, N., Hayter, A., Liu, W., & Tantipoj, C. (2022). Binary response analysis using logistic regression in dentistry. *International Journal of Dentistry*, *2022*, 5358602.

Vamplew, W. (2020). The commodification of sport: Exploring the nature of the sports product. In *Sport and Entrepreneurship* (pp. 37-50). Routledge.

Warner, S., & Dixon, M. A. (2015). Competition, gender and the sport experience: An exploration among college athletes. *Sport, Education and Society, 20*(4), 527-545.

World Health Organisation (WHO). (2020). *WHO guidelines on physical activity and sedentary behaviour*. Geneva: World Health Organization; 2020. Licence: CC BY-NC-SA 3.0 IGO.

Yukhymenko-Lescroart, M. A. (2022). Sport-to-school spillover effects of passion for sport: The role of identity in academic performance. *Psychological Reports, 125*(3), 1469-1493.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).